

03/09/1997

Mufti setuju selaras fatwa

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua 14 mufti dari seluruh negara bersetuju untuk menyelaraskan prosedur fatwa dan pentadbiran hukum syarak serta membuat sebarang keputusan agama dari perspektif negara, bukannya terbatas kepada sesebuah negeri.

Persetujuan itu dicapai dalam perjumpaan kira-kira dua setengah jam antara mereka dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata perjumpaan itu berlangsung dalam suasana mesra.

"Mufti menyanjung tinggi perjumpaan itu dan bersihlah segala kekeliruan yang berlaku. Tuduhan terhadap Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan kerajaan mencabar mufti tidak timbul lagi," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Turut hadir, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Pengerusi Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, Datuk Dr Yusof Nor; dan Ketua Pengarah Pusat Islam, Datuk Zainal Abidin Abdul Hamid.

Dr Abdul Hamid berkata, mufti juga bersetuju untuk merujuk sebarang keputusan agama atau fatwa kepada Majlis Fatwa Kebangsaan bagi memastikan wujud keseragaman pelaksanaan undang-undang Islam setiap negeri.

Bagaimanapun, katanya, persetujuan itu hanya dari sudut pentadbiran, bukannya kemestian. Ia lebih kepada budi bicara mufti bagi merujuk sebarang keputusan kepada majlis itu.

"Langkah itu perlu kerana kini sudah tidak wujud lagi sempadan antara negeri. Umat Islam bebas pergi ke mana sahaja, maka seharusnya masalah yang dihadapi adalah sama di mana-mana," katanya.

(END)